

## **Spesies Tumbuhan Dalam Makanan Tradisi Masyarakat Bugis Di Pulau Sebatik,**

**Malaysia**

### **ABSTRACT**

Kebergantungan manusia terhadap tumbuhan dapat dikenalpasti melalui penggunaan tumbuhan dalam kehidupan. Kertas kerja ini membincangkan nilai tumbuhan yang digunakan dalam makanan tradisi masyarakat Bugis di Pualu Sebatik, Malaysia, semasa menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri. Kawasan kajian tertumpu di Wallace Bay, iaitu kawasan tumpuan masyarakat Bugis yang masih giat membuat makanan tradisi semasa perayaan. Pengumpulan data dilakukan melaui kaedah pemerhatian ikut serta di lapangan dan temubual. Maklumat yang dikumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan terdapat 15 spesies tumbuhan daripada 12 famili digunakan dalam makanan tradisi sebagai bahan utama, pembungkus makanan dan penambah perisa. Manakala analisis bentuk hidup dan kegunaan tumbuhan menunjukkan masyarakat Bugis sangat bergantung kepada spesies tumbuhan daripada famili Zingiberaceae dalam masakan tradisi. Kajian ini penting bagi mengenal pasti nilai spesies tumbuhan dalam kehidupan masyarakat Bugis dan memahami kaedah pengurusan spesies tumbuhan tersebut bagi tersebut bagi kelangsungna makanan tradisi.